

Komited kukuhkan hubungan Malaysia-China

Sempena ulang tahun ke-45 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan Malaysia baharu yang berkuasa pada Mei tahun lalu komited memperkukuhkan hubungan Malaysia-China dengan kerjasama lebih erat.

Pertumbuhan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara sejak tahun-tahun kebelakangan ini telah menjadi meteorik dan trend itu akan terus menjana lebih banyak peluang dalam bidang pelancongan, sains dan teknologi serta pertukaran budaya, katanya dalam mesej dalam buku cenderamata yang diterbitkan Persatuan Persahabatan Malaysia-China atau lebih dikenali sebagai PPMC untuk menandakan ulang tahun ke-45 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata, jika pada peringkat awal, ia lebih kepada hubungan kerajaan dengan kerajaan, perkongsian itu telah meng-



Dr Mahathir (kiri) disambut Presiden China, Xi Jinping pada mesyuarat meja bulat bersama pemimpin dunia sempena Forum Jalur dan Laluan untuk Kerjasama Antarabangsa di Pusat Konvensyen Antarabangsa Tasik Yanqi Beijing, China baru-baru ini.

ukur pelbagai peringkat dan mencatat pencapaian yang menjadikan China sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia.

"Pertumbuhan China yang mengagumkan dalam beberapa dekad lalu yang memuncak menjadi ekonomi kedua terbesar di dunia telah banyak menyumbang kepada kehadirannya yang luas bukan sahaja dalam Malaysia tetapi di bahagian lain di dunia.

"Kerjasama kita telah berkembang dalam pelbagai peringkat dan sektor. Saya percaya selain peranan yang dimainkan oleh pemimpin kerajaan dan politik, pelbagai persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan dari kedua-dua

negara, termasuk PPMC, telah menyumbang banyak kepada keadaan yang kukuh di kedua-dua negara kita," katanya.

Perdana Menteri mengimbas kembali apabila beliau menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara PPMC dan Persatuan Persahabatan China-Malaysia di Beijing pada Jun 1993 semasa salah satu daripada lawatan rasminya ke China.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada PPMC kerana dapat mempertahankan persahabatan sepanjang tahun ini dan membawanya ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata, walau-

pun berlaku perubahan kepimpinan di kedua-dua negara, perkongsian itu tetap berterusan selama bertahun-tahun, berkat kepatuhan mereka kepada prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman masing-masing dan berusaha menjadi jiran yang baik.

"Saya sentiasa mempercayai prinsip 'memakmurkan jiran anda' dan apabila China makmur, ia juga sebaliknya akan memakmurkan Malaysia," katanya.

Mengenai inisiatif 'Belt and Road' China, Perdana Menteri berkata, Malaysia telah mengambil pendirian untuk menyokongnya untuk faedah yang dikongsi bersama dan bagi Malaysia, ia adalah kesinambungan perdagangan purba yang bermula semasa empayar Melaka dan perdagangan antara kedua-dua negara tidak pernah berkurangan selama berabad-abad.

PPMC ditubuhkan pada tahun 1992 dengan anggota yang aktif terdiri daripada usahawan, pelabur, ahli akademik, artis, pendidikan, ahli politik dan profesional, serta pegawai kerajaan yang berkongsi kepentingan bersama untuk melihat persahabatan, persefahaman dan perkongsian yang kuat dan mampan antara Malaysia dan China. - *Bernama*